

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	09 DECEMBER 2016

2 program usahawan sosial diperkenal

BH-9/12/2016

➔ Inisiatif pensijilan, insentif pemerolehan iktiraf sektor keusahawanan

Oleh Nurhayati Abllah dan Hazwan Faisal Mohamad
bhnews@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Kerajaan akan melancarkan dua program penting untuk memberi pengiktirafan lebih baik kepada sektor keusahawanan sosial yang semakin berkembang di Malaysia, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, program pensijilan keusahawanan sosial dan insentif pemerolehan sosial itu adalah pengiktirafan kepada usahawan yang bukan sekadar membabitkan aspek pemasaran produk sedia ada, tetapi juga berasaskan inisiatif membantu masyarakat serta persekitaran.

Katanya, semua program ber-

keanaan akan menyediakan manfaat dan insentif serta penghargaan untuk usahawan sosial.

"Kedua-dua program ini juga adalah sebahagian daripada sasaran untuk mewujudkan 1,000 usahawan sosial menjelang 2018, seperti yang pernah saya nyatakan ketika melancarkan Pelan Induk Usahawan Sosial Kebangsaan pada Mei 2015.

"Program pensijilan ini akan memanfaatkan kira-kira 500,000 individu B40 menerusi hasil kerja oleh usahawan sosial ini. Pensijilan ini akan diperkenalkan oleh Pusat Inovasi dan Kreatif Global Malaysia (MaGIC) bermula Jun tahun depan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan sidang kemuncak Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) 2016 dan Komuniti Keusahawanan Global (GEC) di Pu-

sat Konvensyen Kuala Lumpur di sini, semalam.

Yang turut hadir Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau dan Ketua Setia-usaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Irwan Serigar Abdullah.

Lebih 4,000 peserta terdiri daripada usahawan, inovator, pemimpin industri dan individu berpengaruh dalam ekosistem keusahawanan menyertai GEC.

Inisiatif strategik

Dalam pada itu, Najib berkata dua inisiatif strategik bagi memperkasa sektor keusahawanan negara yang diletakkan di bawah pengurusan MaGIC akan dilaksanakan.

Katanya, program itu ialah Program Pemacu Global yang akan menyokong sembilan kluster GEC dalam membina usahawan generasi

akan datang.

"Program kedua ialah Cabaran Impak ASEAN yang bertujuan membimbing bakat global menyelesaikan masalah yang melanda komuniti ASEAN," katanya.

Gelombang kedua MCY 2.0

Najib turut mengumumkan gelombang kedua MCY 2.0 tahun depan dan yakin akan melihat lebih banyak penyelesaian berasaskan teknologi baharu dan inovatif pada tahun depan.

"Kita juga akan menjemput rakan dari negara serantau untuk menyertai dan menjadi sebahagian daripada platform pengkomersialan di Malaysia ini," katanya.

➔ Lagi berita, MS.4